

14 MAY 2003

Samy-India/I

SAMY SAMPAIKAN SURAT DR MAHATHIR KEPADA PERDANA MENTERI INDIA

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu telah menyampaikan surat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee semasa lawatan sehari ke India Isnin lepas.

"Saya sampaikan surat Perdana Menteri kita kepada Vajpayee dan membincangkan pembatalan hak pendaratan tambahan Penerbangan Malaysia oleh India," katanya kepada pemberita selepas melancarkan album cakera padat lagu-lagu Tamil di sini malam tadi.

Beliau berkata hak pendaratan tambahan untuk Penerbangan Malaysia bagi mengadakan perkhidmatan ke India dibatalkan ekoran tindakan polis Brickfields di sini terhadap sekumpulan profesional teknologi maklumat India pada Mac lepas.

Samy Vellu juga berkata kontrak-kontrak yang diperolehi oleh ahli perniagaan Malaysia di sana ditunda berikutan insiden itu apabila polis menyerbu beberapa apartmen bagi memeriksa dokumen perjalanan kumpulan itu.

Katanya, beliau juga bertemu dengan Menteri Luar India Yashwant Sinha yang bukan sahaja menerangkan sebab-sebab pembatalan hak pendaratan tetapi juga membangkitkan beberapa isu.

"Dia (Yashwant) membangkitkan tujuh isu berhubung soal pembatalan hak pendaratan itu dan saya akan menyampaikannya kepada Perdana Menteri melalui laporan itu. Isu-isu tersebut akan dibangkitkan di peringkat Kabinet secepat mungkin," katanya.

Mengenai respon lawatan tersebut, Samy Vellu berkata ianya mesra dan India berminat meneruskan hubungan baik yang sudah terjalin antara kedua-dua negara.

Lawatan Samy Vellu ke India merupakan yang pertama dilakukan oleh seorang menteri kanan kabinet negara ini sejak insiden Mac lepas.

-- BERNAMA

MPA NM DC PR